

INTEGRASI ICT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA RINCHING HILIR BANGI

Normah binti Husin¹

¹ *Universiti Islam Selangor (UIS)*

normah@uis.edu.my

Abstrak: Kertas kajian ini mengkaji tentang integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi. Selain itu, ia menyelidik tentang persepsi guru terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan ICT yang sering mereka gunakan di sekolah. Bagi tujuan pengumpulan data, borang soal selidik secara dalam talian telah diedarkan kepada subjek kajian di mana persampelan diambil secara rawak bertujuan seterusnya ia dianalisis secara deskriptif. Sampel terdiri daripada 12 orang guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi yang mengajar sesi pagi dan sesi petang. Hasil kajian mendapati persepsi guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi terhadap integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mempelbagaikan aktiviti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran & menjadikannya lebih berkesan. Tidak dinafikan terdapat faktor-faktor yang menghalang penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru, antaranya adalah kekurangan peralatan ICT yang disediakan oleh pihak sekolah mendapat peratusan tertinggi diikuti oleh guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk penyediaan penggunaan ICT. Kesimpulannya, kajian mencadangkan beberapa cara untuk meningkatkan integrasi ICT dalam konteks pengajaran dan pembelajaran seperti sumber pembelajaran secara interaktif: guru dapat menggunakan sumber pembelajaran secara interaktif seperti aplikasi, permainan edukatif, dan platform belajar secara dalam talian. Ini membantu menarik minat pelajar dan membuatkan pembelajaran lebih menarik. Selain itu, media pembelajaran visual: ICT memungkinkan penggunaan media visual seperti video, animasi, dan gambar yang memperkaya pengajaran yang berkesan.

Kata Kunci: Integrasi ICT; Pengajaran & Pembelajaran; Persepsi Guru; Sumber Interaktif dan Komunikasi.

1. PENGENALAN

Integrasi ICT (*Information and Communication Technology*) dalam pengajaran dan pembelajaran dapat memberikan banyak manfaat bagi guru dan pelajar. Integrasi ICT bukan hanya sekadar penggunaan teknologi moden, tetapi bagaimana teknologi tersebut dapat diterapkan secara efektif untuk meningkatkan hasil pembelajaran bagi pelajar. Hal ini penting untuk memastikan bahawa penggunaan ICT dilakukan dengan cara yang relevan dan bermanfaat bagi semua pihak yang terlibat dalam proses pembelajaran & pengajaran. Kepesatan pembangunan di Malaysia dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan pendidikan tidak dapat dinafikan. Impak globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat menuntut agar beberapa perubahan dibuat dalam sistem pendidikan. Kualiti pendidikan negara akan bertambah baik jika teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan kerana ia boleh menambah minat dan motivasi untuk belajar, di samping mempercepatkan proses pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan mutunya dan dipelbagaikan penyampaian dan penerimaannya melalui beberapa teknik dengan menggunakan komputer dan perisian, melalui sistem rangkaian (*networking*), atau melalui sistem internet, perisian dan pangkalan data. Penggunaan alat bantu mengajar ini dikatakan pemangkin proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Penggunaan teknologi media ini amat perlu dilakukan untuk menambahbaik pendekatan yang dilakukandalam sistem pendidikan agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan efisien.

2. SOROTAN KAJIAN

Dalam era globalisasi ini, peningkatan tingkat teknologi yang berlaku di persekitaran adalah semakin tinggi. Hal ini kerana dengan adanya kemudahan internet memudahkan para pelajar untuk berkomunikasi dengan dunia luar. Potensi ICT sebagai alat yang boleh membantu dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi semakin penting dan meningkat secara mendadak dalam sistem pendidikan di negara kita. Hal ini dapat dibuktikan dengan para pelajar pada masa kini lebih berminat dalam menggunakan ICT dimana mereka memilih untuk melayari internet dan mengakses maklumat yang terdapat dilaman internet. Perkara ini di perhebatkan lagi dengan kewujudan media-media sosial yang terdapat di internet seperti Facebook, Myspace, Friendster dan sebagainya. Hal ini merupakan salah satu trend di mana sebahagian daripada pelajar pada masa sekarang mempunyai media sosial tersendiri (Liaw Huang & Chen 2007).

Secara umum, *e-learning* boleh ditakrifkan sebagai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Kewujudan teknologi maklumat ini telah memudahkan segala urusan tidak kira dalam apa jua bidang seperti bidang pentadbiran, pengurusan, penyiaran dan media, telekomunikasi, perhubungan

malah bidang pendidikan turut tidak ketinggalan (Thulasimani Munohsamy, 2014). Dalam konteks pendidikan penggunaan teknologi media ini amat perlu dilakukan untuk menambahbaik pendekatan yang dilakukan dalam sistem pendidikan agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan efisien. Penggunaan teknologi media dalam sistem pendidikan secara tidak langsung dapat mewujudkan hubungan dalam konteks pendidikan (Noradilah Binti Aziz & Lai Wei Sieng, 2019).

Di samping itu, Teknologi Multimedia turut menyediakan pelbagai peluang kepada para pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keadaan semasa para murid pada zaman serba canggih kini. Sudah menjadi tanggungjawab seorang guru membantu muridnya menjadi pengguna yang kritis terhadap sumber media yang pelbagai seperti buku, majalah, filem, televisyen, permainan komputer dan juga internet. Di samping itu, Teknologi Multimedia turut menyediakan pelbagai peluang kepada para pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keadaan semasa para murid pada zaman serba canggih kini. Sudah menjadi tanggungjawab seorang guru membantu muridnya menjadi pengguna yang kritis terhadap sumber media yang pelbagai seperti buku, majalah, filem, televisyen, permainan komputer dan juga internet. (Nur Azimah Mohd Bukhari & Wong Seng Yue, 2023).

Salah satu kelebihan teknologi yang paling ketara dalam pendidikan ialah ia menyediakan pelajar dengan lautan maklumat di hujung jari mereka. Mereka boleh mengakses maklumat dalam masa yang secepat mungkin. Jika anda seorang pelajar, maka berlalulah hari-hari anda perlu pergi ke perpustakaan dan mencari buku yang bertimbun-timbun untuk membuat tugas/projek/kerja rumah. (Pusat Jaminan Kualiti UPM, 2024).

Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting kerana ia dapat meningkatkan kemahiran guru dan pelajar. Melalui penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar akan didedahkan dengan pelbagai alatan dan bahan mengenai ICT seperti komputer, LCD, CD, *pendrive*, *hardware*, *software*, internet dan sebagainya. Semua benda yang berkenaan dengan ICT mempunyai berbagai fungsi dan kegunaannya yang tersendiri dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini kerana melalui penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran guru dan pelajar akan lebih menguasai teknologi-teknologi terkini yang dapat membantu dalam memahami setiap subjek yang dipelajari serta menyimpan, memproses dan merekod setiap maklumat yang diperolehi. Kemahiran dalam menggunakan ICT ini mampu memberi nilai tambah kepada guru agar dapat menggunakannya untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar agar ianya mudah untuk di fahami. (Wordpress).

Walaupun bagaimanapun, para pendidik turut menghadapi masalah dalam mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran & pembelajaran. Cabaran-cabaran ini merangkumi kurangnya latihan, kemahiran teknikal serta sikap guru sendiri terhadap penggunaan teknologi. (Geoffrey F. C. Lim, Norshamshizar Abdul Jalil: 2024).

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenalpasti persepsi guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi terhadap integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Mengenalpasti penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi.
3. Mengenalpasti penglibatan pelajar terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
4. Mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian melibatkan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi seramai 12 orang (atau 90%) daripada populasi sebenar. Sampel dipilih secara persampelan tujuan di mana semua mereka mempunyai maklumat dan berpengetahuan dalam menjawab soalan-soal selidik yang dikemukakan. Manakala bilangan mengikut jantina adalah (66.7%) terdiri daripada guru perempuan manakala (33.3%) terdiri daripada guru lelaki. Sampel terdiri daripada (33.3%) guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 21 tahun, diikuti dengan (16.7%) berpengalaman selama 5-10 tahun dan 11-15 tahun. Guru yang mempunyai pengalaman kurang dari 5 tahun dalam bidang pendidikan terdiri daripada (25%) dan selebihnya (8.3%) berpengalaman selama 16-20 tahun.

5. HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

Rajah 1

Persepsi Guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi Terhadap Integrasi ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

No	Item	%
----	------	---

1	Meningkatkan prestasi pelajar	8.3
2	Mempelbagaikan aktiviti PDP & menjadikan PDP lebih berkesan	66.7
3	Memberi motivasi kepada pelajar	0
4	Menambah minta & tumpuan pelajar	25

Rajah 1 menunjukkan persepsi guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi terhadap integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. 66.6% guru bersetuju integrasi ICT dapat mempelbagaikan aktiviti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran & menjadikannya lebih berkesan. Penggunaan ICT juga menambah minta & tumpuan pelajar, ianya dibuktikan dengan 25% guru memberi pandangan yang sama. Manakala 8.3% guru memberi persepsi bahawasanya integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran boleh meningkatkan prestasi pelajar dengan kepelbagaian aktiviti yang dilaksanakan.

Perkembangan dan penggunaan teknologi ICT (Information and Communication Technology) atau disebut “Teknologi Komunikasi dan Maklumat”, khususnya dalam pendidikan, bukan lagi merupakan sesuatu yang asing di Malaysia. Perkembangan ICT menjanjikan potensi besar, terutama dalam pendidikan, iaitu dengan mengubah cara seseorang belajar, cara memperoleh maklumat, cara menyesuaikan setiap maklumat, dan sebagainya. Sejalan dengan perkembangan ICT dalam dunia pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil beberapa langkah dalam mengintegrasikan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat sekolah. Proses P&P yang berlaku merupakan elemen penting dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. (Muna Hamzan, 2016).

Rajah 2

Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi.

No	Item	%
1	Komputer riba	33.33
2	LCD projektor	33.33
3	<i>Google Meet</i> & Internet	16.66
4	Tayangan video & lagu	16.66

Rajah 2 menunjukkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi. Penggunaan komputer riba dan LCD projektor menunjukkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 33.33%. Penggunaan peralatan ini dianggap popular

sama ada diperingkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Ketika dunia dilanda wabak Covid 19 sekitar 5 tahun yang lepas, penggunaan *google meet* & internet secara meluas merupakan medium yang digunakan sebagai pemudahcara dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan ICT ini masih mendapat tempat dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi iaitu sebanyak 16.66%. Manakala 16.66% guru menggunakan tayangan video dan lagu sebagai alat bantu mengajar.

Secara umum, elearning boleh ditakrifkan sebagai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan teknologi internet telah memberi manfaat dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Penggunaan ICT lain seperti LCD projektor, powerpoint dan emel antara kategori peralatan ICT yang sering digunakan. (Johari Bin Hassan & Fazliana Rashida Binti Abdul Rahman).

Rajah 3

Penglibatan Pelajar Terhadap Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran.

No	Item	%
1	Penglibatan pelajar secara optimum	0
2	Pelajar memberi respon yang positif	100
3	Pelajar tidak memberi respon yang positif	0
4	Pelajar kurang berminat	0

Rajah 3 menunjukkan penglibatan pelajar terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. 100% pelajar memberi respon yang positif terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Tiada penglibatan pelajar secara optimum menunjukkan pelajar perlu didedahkan dengan pendedahan yang sewajarnya tentang penggunaan ICT ini. Rajah juga menunjukkan tiada pelajar memberi respon yang negatif atau menunjukkan rasa kurang minat terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

Impak pendidikan berasaskan teknologi terhadap peningkatan prestasi pelajar adalah tertumpu kepada impak utama iaitu golongan remaja yang terdedah dengan teknologi maklumat pada usia muda kerana lebih terdorong untuk melibatkan diri dalam perkongsian maya khususnya melalui media sosial, diikuti aplikasi komputer khususnya internet. Pendekatan pengajaran menggunakan bahan pengajaran berasaskan web juga dapat mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penyertaan maksimum pelajar sesama pelajar dan pelajar dengan guru. (Noradilah Binti Aziz & Lai Wei Sieng, 2019).

Rajah 4

Faktor-Faktor Yang Menghalang Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi.

No	Item	%
1	Kekurangan peralatan ICT di sekolah	66.7
2	Guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan ICT	16.7
3	Guru kurang berkemahiran dalam penggunaan ICT	8.3
4	Guru tidak mendapat pendedahan yang secukupnya oleh pihak sekolah	8.3

Rajah 4 menunjukkan faktor-faktor yang menghalang penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi. Faktor utama yang menyumbang kepada penghalang penggunaan ICT adalah kekurangan peralatan ICT di sekolah iaitu sebanyak 66.7%. Keadaan peralatan ICT yang usang juga menjadi masalah kepada peningkatan kemahiran pelajar dalam bidang ICT. Hal ini berlaku kerana dengan ketiadaan modal dan tiada semak semula yang dilakukan oleh pihak sekolah yang menyebabkan beberapa sekolah tercicir daripada bekalan peralatan ICT yang baru. Keadaan ini menyebabkan minat pelajar terhadap penggunaan ICT semakin berkurangan. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya peralatan ICT tersebut seiring dengan peredaran masa.

Guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan ICT iaitu sebanyak 16.7%. Mengintegrasikan komputer dalam pengajaran memerlukan masa yang banyak bagi guru-guru dalam membuat persediaan. Persediaan tersebut diperlukan termasuk dari aspek menyediakan bahan mengajar serta untuk persediaan bahan pada komputer sebelum kelas dimulakan. Dengan bilangan waktu mengajar yang banyak adalah sukar bagi guru untuk membuat persediaan mengajar di sekolah dan juga menggunakan peralatan ICT sebagai bahan mengajar. Pada masa kini kesediaan para guru dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pembimbing adalah berat. Hal ini kerana para guru bukan hanya mengajar secara formal malah pakar dalam penggunaan ICT. Namun begitu dalam kesediaan para guru tersebut terdapat juga halangan dimana para guru ketinggalan daripada arus kemodenan dunia ICT pada masa sekarang.

Peratusan menunjukkan sebanyak 8.3% guru kurang berkemahiran dalam penggunaan ICT dan tidak mendapat pendedahan yang secukupnya oleh pihak sekolah.

Perkara ini adalah berbeza dengan apa yang berlaku di negara Barat di mana guru-guru dinegara tersebut terlatih dan cekap. Menurut Fisher (2003) di negara Barat peningkatan pengintegrasian ICT dalam bilik darjah amat memberangsangkan sejak tiga puluh tahun yang lalu. Perkara ini menunjukkan bahawa guru-guru yang ada di negara Barat adalah jauh lebih berkemahiran daripada negara kita.

6. KESIMPULAN

Penggunaan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui sokongan dan usaha bersungguh-sungguh pelbagai pihak tanpa mengira batasan. Pemimpin sekolah dan guru merupakan nadi kepada pelaksanaan ICT di sekolah. Mereka adalah tunjang kepada kecemerlangan akademik para pelajar dan juga kejayaan penguasaan kemahiran ICT. Sokongan moral daripada ibu bapa dalam menjayakan pelaksanaan ICT ini juga penting untuk membakar semangat para pelajar agar sentiasa berusaha mencari ilmu. Di samping itu, kemudahan dan peralatan teknologi yang lengkap merupakan penyumbang utama kepada kejayaan pelaksanaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Berikut beberapa cara integrasi ICT dapat meningkatkan pengalaman belajar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran:

1. Sumber Pembelajaran Secara Interaktif: Guru dapat menggunakan sumber pembelajaran secara interaktif seperti aplikasi, permainan edukatif, dan platform belajar secara dalam talian.. Ini membantu menarik minat pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih menarik.
2. Media Pembelajaran Visual: ICT memungkinkan penggunaan media visual seperti video, animasi, dan gambar yang memperkaya aspek pengajaran dan pembelajaran.
3. Komunikasi dan Kolaborasi: Teknologi menggabungkan komunikasi dan kolaborasi antara guru dan pelajar. Ini dapat dilaksanakan melalui platform pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan aplikasi yang berbentuk video infografik. Cara ini dapat membantu guru dari aspek pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.
4. Penilaian Berasaskan Teknologi: ICT memungkinkan penilaian berasaskan teknologi seperti ujian secara dalam talian dan kuiz interaktif.

7. RUJUKAN

1. Fisher R. 'Unlocking Creativity' Teaching Thinking, Autumn 2003 pp46-50 (2003).
2. Geoffrey F. C. Lim, Norshamshizar Abdul Jalil, Dayang Suraya Awang Hidup, Marlissa Omar, Integration in Education: Challenges for

- Educators) International Journal of Modern Languages and Applied Linguisticse-ISSN: 2600-7266.
3. Johari Hassan & Fazliana Rashida Abdul Rahman, Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
 4. Liaw, S.S., Huang, H.M. & Chen, G.D, Surveying instructor and learner attitudes toward e-learning. *Journal of Computer and Education* 49: 1066-1080 (2007).
 5. Muna Hamzan, Penggunaan Teknologi Ict Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia (2016).
 6. Noradilah Binti Aziz & Lai Wei Sieng, Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM, *Jurnal Personalia Pelajar* 22(1): 69-75(2019).
 7. Nur Faizahton Saidin, Nur Azimah Mohd Bukhari&Wong Seng Yue, Penggunaan Teknologi Multimedia Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia, *E-Journal Universiti Malaya, Isu Dalam Pendidikan*, 46, 2023 (2023).
 8. Peranan Teknologi Dalam Pendidikan, <https://ainiliyanamohdzailan.wordpress.com/about/peranan-teknologi-dalam-pendidikan/>
 9. Thulasimani Munohsamy, Integrasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan, *Institut Teknologi BruneiJournal IPA Bil.23, 2014* (2014).
 10. Pusat Perkembangan Kurikulum, MySchool Net. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003).
 11. 21 Kebaikan Teknologi Dalam Pendidikan Pusat Jaminan Kualiti UPM (2024).